

**JALANILAH
UJIAN
HIV**

*Sayangi diri anda,
sayangilah keluarga anda*



Kemajuan Kesihatan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



JIKA GAYA HIDUP ANDA BERSIKO TINGGI...

AIDS adalah sejenis penyakit yang tidak dapat diubati. Ia berpunca daripada virus HIV yang merosakkan sistem daya pertahanan badan anda. Ini menjadikan anda terdedah kepada berbagai penyakit.

Virus HIV memasuki sistem darah anda melalui hubungan seks ataupun melalui suntikan dengan menggunakan alat suntikan yang tercemar dengan virus HIV.

HIV BERJANGKIT MELALUI HUBUNGAN SEKS

Jika anda pernah melakukan seks rambang atau mengadakan seks tanpa perlindungan, anda telah mendedahkan diri anda kepada kemungkinan dijangkiti virus HIV. Adakah **anda** dijangkiti virus HIV? **Hanya ada satu cara untuk mengetahuinya.** Jalanilah ujian HIV.



RISIKO SUNTIKAN DADAH

Penagih Dadah terutama mereka yang berkongsi jarum berisiko tinggi untuk dijangkiti virus HIV. Jalanilah ujian HIV sebelum anda membahayakan orang lain. **Ujian HIV merupakan langkah pertama anda untuk menyelamatkan nyawa anda dan orang yang disayangi.**



VIRUS HIV BOLEH BERJANGKIT DARIPADA IBU KE ANAK

HIV tidak mengenal mangsa. Jika anda ingin memulakan sebuah keluarga, pastikan anak anda tidak dijangkiti. Hanya ujian HIV sahaja yang dapat memberikan kepastian ini. **Fikirkanlah bayi yang bakal dilahirkan nanti.** Jalanilah ujian HIV!



JANGAN TAKUT UNTUK MENJALANI UJIAN HIV

Jika anda berisiko tinggi, ujian HIV adalah satu-satunya tanggungjawab yang mesti anda lakukan. Ia tidak memerlukan pengorbanan.

- Ujian ini ***mudah didapati, ringkas dan tidak sakit***
- Ia dibuat secara ***percuma di hospital/klินิก kesihatan kerajaan dan keputusannya adalah dirahsiakan***



**JADILAH
INSAN YANG
BERTANGGUNGJAWAB**

**Jika gaya hidup
anda berisiko
untuk dijangkiti
virus HIV,
jalanilah
ujian HIV!**

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Jika anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan ujian HIV, sila hubungi klinik kesihatan atau hospital yang berdekatan.



Manisan Kesehatan